

02 JUL 1999

Rebak-Pelayar

PAS LAWATAN DUA TAHUN KEPADA PELAYAR ASING YANG SINGGAH DI REBAK

LANGKAWI, 2 Julai (Bernama) -- Langkawi mendapat satu lagi galakan kepada pertumbuhan industri pelancongannya apabila pelayar asing yang singgah di Pulau Rebak di sini secara automatik mendapat pas lawatan selama dua tahun, berkuatkuasa awal bulan lepas.

Kerajaan memberikan pas lawatan itu dengan syarat mereka cuma datang bercuti dan tidak terlibat dalam aktiviti perniagaan dan politik. Pada masa ini pas lawatan hanya diberi untuk tempoh setahun.

Jurucakap Jabatan Imigresen hari ini berkata kerajaan memberikan keistimewaan itu baru-baru ini dalam usaha menjadikan Langkawi sebagai pusat perahu layar pada masa depan.

Katanya dengan ini, pelayar tidak perlu keluar setahun sekali untuk memperbaharui pas lawatan mereka.

Sementara itu, jurucakap Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) berkata pengurusan marina di Pulau Rebak perlu segera menyediakan keperluan "slipway" dan khidmat sokongan "hard stand" kepada perahu layar di pulau berkenaan.

"Jika kemudahan itu dapat dilaksanakan segera, kapal layar dan bot rekreasi mewah akan mendapat kemudahan penyenggaraan," katanya sambil menambah, pada masa ini, kebanyakan pelayar menggunakan khidmat yang sama di Phuket, Thailand.

Bernama difahamkan keistimewaan itu diberikan semasa lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad ke Pualu Rebak Mei lepas untuk meninjau potensi pulau berkenaan sebagai pusat kapal layar.

Pulau Rebak mempunyai kira-kira 50 tempat berlabuh bagi kapal layar pada satu-satu masa. Ia mempunyai kemudahan penginapan bertaraf antarabangsa sesuai dengan jolokannya sebagai "Caribbean of the East".

Sejak Januari hingga Mei tahun ini, sebanyak 644 kapal layar telah singgah di sini.

Langkawi mempunyai tiga tempat tumpuan persinggahan kapal dengan dua daripadanya di Langkawi Yacht Club, Kuah dan Awana Porto Malai resort, Tanjung Malai di sini.

-- BERNAMA

NH zb